

# Belajar guna duit gaji sendiri

**Serdang:** “Sepanjang melanjutkan pengajian, saya tidak pernah meminta wang daripada keluarga kerana tidak mahu menyusahkan mereka dan berjimat-cermat menggunakan gaji sebagai pembantu jualan sambil untuk menyara kehidupan di universiti,” kata Mohd Hafis Ngadimin, 26.

Itu antara pengalaman Hafis yang juga graduan Sarjana Muda Pendidikan Sains Pertanian ketika ditemui selepas majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Dia yang mendapat keputusan cemerlang berkata, sepanjang pengajian, dia menggunakan wang gaji hasil kerja sambil di sebuah pasar raya setiap cuti semester dan hujung minggu untuk menampung perbelanjaan dan buku rujukan.

“Saya membuat perancangan menguruskan wang supaya tidak digunakan untuk tujuan tidak mendatangkan faedah kerana wang itu akan diberikan kepada ibu dan ayah.

“Saya perlu membantu

keluarga kerana gaji ayah hanya cukup untuk perbelanjaan makan minum kami sekeluarga, tambahan pula saya masih mempunyai tiga adik bersekolah,” kata anak sulung daripada empat beradik itu.

Menurut Hafis, dia merancang untuk menyambungkan pengajian jarak jauh tetapi buat masa sekarang dia perlu fokus kepada isteri dan anak yang bakal lahir.

**FAKTA**  
Hafis kerja  
sambilan di pasar  
raya setiap cuti  
semester



**MOHD Hafis (tengah) meraikan kegembiraan bersama anggota keluarga pada Majlis Konvokesyen UPM.**